



# **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

## **TEKS UCAPAN**

**YBRS. EN. MOHD PUAD BIN HAMID  
PENGARAH  
JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN**

## **SEMPENA**

**“MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH  
SEKOLAH HIJAU 2018  
PERINGKAT SEBERANG PERAI  
ANJURAN CONTINENTAL AUTOMOTIVE  
COMPONENTS (MALAYSIA) SDN. BHD.”**

**8 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**

**2.00 PETANG**

**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP  
BANDAR PERDA  
BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik Luciano Oliveira**  
Pengarah Urusan  
Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha Puan Suhana bt Kassim**  
Pengurus Besar Sumber Manusia  
Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

**Encik K.P. Koh**  
Pengurus Kewangan  
Jinko Solar Technology Sdn Bhd.

**Encik Sam Lee,**  
Wakil Wilayah Utara  
Pekat Solar Sdn Bhd

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai dan Kakitangan**  
Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd.

**Para Guru**

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai, bersama penganjur utama iaitu Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd dan dua lagi penganjur bersama iaitu Jinko Solar Sdn Bhd dan Pekat Solar Sdn. Bhd

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. yang telah sudi memberi sumbangan hadiah yang bernilai RM 27,500.00 untuk pelaksanaan program Anugerah Sekolah Hijau 2018 Peringkat Seberang Perai tahun ini. Johan bagi Anugerah Sekolah Hijau 2018 juga akan mendapat tajaan pemasangan panel tenaga solar bernilai 4kw bagi sekolah menengah dan 4kw bagi sekolah rendah. Pemasangan panel solar ini merupakan sumbangan daripada Jinko Solar dan Pekat Solar.

Untuk makluman semua, Continental Automotive Components (Malaysia) Sdn. Bhd. telah bekerjasama dengan MPSP dalam menganjurkan Majlis Anugerah Sekolah Hijau sejak tahun 2010 lagi. MPSP amat berterima kasih kepada Continental Automotive

Components (Malaysia) Sdn. Bhd. dan kakitangannya di atas sokongan padu yang berterusan dalam memperkasakan pendidikan dan kesedaran pemuliharaan dan pemulihan alam sekitar di kalangan murid-murid sekolah di Seberang Perai. Diharap penajaan ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya juga menyeru agar lebih banyak penaja tampil ke hadapan untuk bersama-sama MPSP dalam menjayakan program-program seumpama ini.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Program Sekolah Hijau merupakan program pengauditan alam sekitar bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah pada tahun 2010. Sekolah merupakan satu pusat yang dimana keperibadian dan persepsi manusia dapat dibentuk dan dicorakkan.

Tujuan program ini ialah untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan.

Saya amat berbangga dengan keazaman para guru dan pelajar yang mampu memberi komitmen kepada program hijau seperti ini di samping tugas hakiki yang semakin mencabar di arus perdana kini. Keazaman dapat dilihat dengan penyertaan dari pihak sekolah yang meningkat saban tahun. Pada awal permulaan pada tahun 2010, keterlibatan sekolah adalah sebanyak 30 buah, dengan pecahan 14 dari sekolah rendah dan 16 dari sekolah menengah. Selepas tujuh tahun program ini dijalankan, pada tahun 2017, sebanyak 152 telah menyertai Anugerah Sekolah Hijau, yang mana 106 adalah dari sekolah rendah dan 46 adalah dari sekolah menengah.

Hasil dari aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh pihak sekolah, dapat dilihat peningkatan aktiviti kitar semula berdasarkan jumlah beratan barang yang dikumpul. Contohnya, pada tahun 2015, sebanyak 123,782 kg barang kitar semula direkodkan melalui laporan yang dikemukakan kepada MPSP, dan beratan ini telah bertambah kepada 129,374 kg pada tahun 2016 dan pada tahun 2017, jumlah beratan barang kitar dari sekolah adalah 136,739 kg.

Peningkatan ini merupakan satu aspek yang positif sejajar dengan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang telah dilaksanakan pada tahun 2016. Melalui dasar ini, sekolah merupakan salah satu dari lapan kategori dalam Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang mana ia tidak terkecuali dari penguatkuasaan yang telah termaktub di dalam Undang-undang Kecil

Pengasingan Sisa Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 2016. Mengikut undang-undang kecil ini, penalti am bagi mana-mana orang yang melanggar peruntukan Undang-undang Kecil ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh satu tahun atau kedua-duanya.

Mengasingkan sampah sepatutnya dijadikan kewajipan keatas diri setiap individu. Setiap hari, secara purata tapak pelupusan Pulau Burung menerima kapasiti sampah sebanyak 1250 tan. Pada tahun 2017 sahaja sebanyak 453,035.17 tan sampah dilupuskan di Pulau Burung. Kos bagi menguruskan sampah adalah RM20.20 bagi satu tan sampah. Untuk pengurusan sampah tahun 2017 sahaja adalah sebanyak RM 9,151,310.43.

**Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,**

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Sekolah Hijau Bagi Tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*